

Negara Islam boleh cemerlang jika politik stabil

UM 19 OCT 2002

ISLAMABAD 18 Okt. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyatakan keyakinan bahawa negara-negara Islam akan mencapai kecemerlangan ekonomi jika dapat memastikan kestabilan politik, dasar yang konsisten dan pengurusan yang cekap.

Beliau berkata, negara-negara Islam yang kebanyakannya negara membangun mampu menjana ekonomi jika dapat mewujudkan suasana kondusif kepada kemajuan ekonomi termasuk dalam menarik pelaburan asing.

Katanya, pelaburan asing adalah amat penting bagi negara membangun terutama untuk menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat yang pasti akan menghasilkan pertumbuhan rancak termasuk menerusi kutipan cukai yang boleh menggerakkan penyediaan prasarana.

“Jika tiada kestabilan dan dasar yang sentiasa berubah maka ia akan menyukarkan usaha untuk mencapai kecemerlangan ekonomi. Inilah masalah yang masih banyak dihadapi oleh negara-negara membangun termasuk negara Islam,” katanya

pada sesi dialog anjuran Persekutuan Perdagangan dan Perindustrian Pakistan di sini lewat petang ini.

Pada sesi dialog itu, beliau menjelaskan tentang formula kejayaan Malaysia yang menyaksikan transformasi daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada sektor pengeluaran dan perindustrian di samping kini menumpukan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan dan teknologi maklumat.

Menurut Perdana Menteri, satu lagi penekanan yang harus diberikan ialah meningkatkan daya saing dalam perdagangan kerana ia mampu memberikan impak kepada pertumbuhan ekonomi selain menggembleng sektor swasta.

“Malaysia kini adalah negara perdagangan dan ia ternyata memberi pulangan besar sehingga 200 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK),” jelasnya.

Pencapaian itu, kata Dr. Mahathir jauh lebih tinggi berbanding negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun yang cuma pada sekitar 25 peratus daripada KDNK.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri menyatakan perlunya negara-negara Islam

lebih bekerjasama dalam pembinaan ekonomi namun ia mesti bersandarkan kepada tuntutan asas iaitu kestabilan dan dasar yang konsisten untuk menarik pelaburan selain strategi yang berkesan mengikut kesesuaian sesebuah negara.

“Ini juga memerlukan pengurusan yang cekap menerusi tadbir urus yang baik,” katanya.

Pada dialog itu, beliau juga menyatakan kesediaan untuk meningkatkan pelaburan Malaysia di Pakistan dalam bidang-bidang yang sesuai.

“Langkah ini dapat membantu memperbaiki imbalan dagangan antara kedua-dua negara yang memihak kepada Malaysia,” katanya.

Salah satu sebab, kata Dr. Mahathir mengapa Malaysia mempunyai lebih imbalan dagangan dengan sebahagian negara adalah kerana dasar Malaysia yang agresif dalam perdagangan khususnya pengeksportan.

Beliau turut mencadangkan supaya Pakistan meningkatkan lagi promosi barangan keluarannya di Malaysia selain menga-

dakan lebih banyak projek usaha sama di Pakistan dalam sektor yang berpotensi melonjakkan pertumbuhan ekonomi.

Dalam pada itu, Perdana Menteri menyatakan keyakinan Pakistan akan mencapai prestasi ekonomi yang lebih baik berdasarkan pembaharuan yang dilakukan di bawah kepimpinan Presiden Pervez Musharraf sejak tiga tahun lalu.

Sesi dialog itu dihadiri oleh tokoh-tokoh perniagaan dan firma perdagangan Pakistan. Turut hadir pada sesi dialog itu ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Kewangan Pakistan, Shaukat Aziz.

Dr. Mahathir yang tiba pagi ini bersama isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali mempunyai atur cara yang padat. Sejak sahaja tiba, Perdana Menteri mendengar taklimat mengenai pembangunan teknologi maklumat Pakistan.

Pada taklimat itu beliau turut memberikan pandangan balas terhadap beberapa perkara yang disifatkan oleh Shaukat kemudiannya sebagai amat berguna kepada Pakistan. — *Utusan*